

Pemahaman, Penghayatan dan Pengamalan Jati Diri Pelajar Aliran Pendidikan Universiti Awam  
*(Understanding, Appreciation and Practice of Identity Among Students of Education in Public Universities)*

ZAMRI MAHAMOD, NIK MOHD RAHIMI NIK YUSOFF, MOHD MAHZAN AWANG & CHEW FONG PENG

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri dalam kalangan pelajar aliran pendidikan di lima buah Universiti Awam bertaraf Universiti Penyelidikan. Sebanyak tujuh konstruk jati diri diukur, iaitu agama, ilmu, nilai, bahasa, budaya, perpaduan dan semangat nasionalisme. Untuk itu, seramai 1000 orang pelajar, iaitu 200 orang bagi setiap sebuah Universiti Awam dijadikan responden kajian. Responden tersebut dipilih secara rawak mudah yang sedang melanjutkan pengajian dalam pelbagai program pendidikan di Fakulti Pendidikan di UKM, UPM, UM, USM dan UTM tersebut. Instrumen soal selidik digunakan untuk pengumpulan data. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 23.0. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelajar aliran pendidikan Universiti Awam secara amnya masih mengekalkan jati diri dalam kesemua tujuh konstruk yang dikaji. Dari segi pemahaman, penghayatan dan pengamalan, hanya aspek bahasa sahaja yang berada pada tahap masih kekal jati diri, manakala enam jati diri lain yang dikaji (agama, ilmu, nilai, budaya, perpaduan dan semangat nasionalisme) berada pada tahap kekal (kukuh) jati diri mereka. Pelajar UM merupakan pelajar yang paling kurang pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri bahasa Melayu mereka berbanding pelajar Universiti Awam yang lain. Pelajar USM merupakan pelajar yang paling kekal jati diri mereka dari segi pemahaman, penghayatan dan pengamalan bagi kesemua tujuh konstruk yang dikaji. Implikasi kajian ini adalah bakal guru pelatih di Fakulti Pendidikan, Universiti Awam dan Institut Pendidikan Guru perlu diukur tahap jati diri mereka sebelum diterima masuk dalam program pendidikan.

**Kata kunci:** Pemahaman, penghayatan, pengamalan, jati diri, pelajar pendidikan

### ABSTRACT

*This study aims to identify the level of understanding, appreciation and practice of identity among students of education at five public universities-class research university. A total of seven constructs measured identity, namely religion, science, values, language, culture, unity and nationalism. Therefore, 1000 students, ie 200 persons per a Public University survey respondents. Respondents were selected randomly were studying in various educational programs in the Faculty of Education in UKM, UPM, UM, USM and UTM. Questionnaire was used for data collection. Data were analyzed by descriptive and inferential using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 23.0. The results showed that students in general education Public Universities still maintain identity in all seven constructs studied. In terms of the understanding, appreciation and practice, only the language only at the level of identity remains, while six others studied identity (religion, science, values, culture, unity and nationalism) at the level of permanent (strong) their identity. UM student is a student who is at least an understanding, appreciation and practice of Malay identity them against other students of the Public University. USM students are students who are the most permanent of their identity in terms of the understanding, appreciation and practice of all seven constructs studied. The implication of this study is the prospective teacher in the Faculty of Education in Public Universities and Teacher Institute Education need to be measured in their level of identity before being admitted into an educational program.*

**Keywords:** Understanding, appreciation and practice, identity, student education

## PENGENALAN

Jati diri adalah harga diri yang menggambarkan watak peribadi setiap bangsa mahupun suku kaum. Kekuatan dalaman (jiwa dan perasaan) ketekalan, ketabahan dan segala yang membawa maksud teguh yang berpasak kukuh dalam diri sehingga tidak dapat diganggu gugat adalah merupakan asas bagi jati diri. Bagi melahirkan warganegara yang setia dan bersatu padu, kekuatan jati diri perlu dimiliki setiap individu, bangsa dan suku kaum (Abdul Latiff, 2012). Dalam konteks kajian ini, bagi melahirkan insan yang bersepada agar menjadikan Negara maju dan bebas daripada ancaman globalisasi dan ancaman lain masa kini, elemen jati diri perlu diterapkan terlebih dahulu ke dalam diri setiap bakal pendidik. Hal ini kerana pendidik adalah merupakan insan yang akan mencipta dan menjadikan seseorang insan lain untuk menjadi lebih berakhhlak mulia dan mempunyai sifat jati diri yang tinggi dalam membangunkan negara.

Menjadi seorang guru sangat memerlukan jati diri yang tinggi. Sebagai pendidik nilai keperibadian dan jati diri bukan sahaja dari segi ilmu, malahan agama, nilai, bahasa, budaya, perpaduan, dan semangat nasional. Hal ini kerana, dalam abad ke-21 ini melahirkan generasi yang mempunyai akhlak dan keperibadian yang tinggi adalah bukan perkara mudah. Adalah penting kajian tinjauan terhadap tahap jati diri pelajar aliran pendidikan dijalankan agar hasil daripada dapatan dapat menentukan perancangan kerajaan meningkatkan tahap jati diri pelajar.

Persoalannya, sejauh manakah pelajar aliran pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai bakal guru ini benar-benar memiliki jati diri? Mungkin dari segi akademik, mereka cemerlang, tetapi bagaimanakah dari segi jati diri mereka? Kajian ini perlu kerana sebagai agen perubahan, sejauh mana bakal guru ini masih akur atau sudah terhakis jati diri mereka? Adakah bakal guru ini mempunyai tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan yang tebal dalam pendidikannya, nilai ketimurannya, bahasanya, keagamaannya, budayanya, perpaduan dan semangat nasionalisme mereka? Hal ini penting kerana dalam melahirkan bakal guru yang seimbang jasmani, emosi, rohani dan intelek, mereka perlu memiliki jati diri yang kukuh.

## PENYATAAN MASALAH

Sistem Pendidikan di Malaysia antara yang terbaik di dunia. Pengenalan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 membuktikan bahawa

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) begitu mengambil berat kepentingan pendidikan dalam kalangan rakyatnya. Antara perkara utama yang diberikan penekanan dan perhatian dalam PPPM 2013-2025 ialah Anjakan 4: Transformasi Perguruan sebagai Profesional Pilihan. Dalam Anjakan 4 ini, pelbagai inisiatif disediakan oleh kerajaan, termasuk pemilihan bakal pelajar ke Universiti Awam (Fakulti Pendidikan) atau Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

Dalam buku pelan PPPM, kerajaan telah menetapkan hanya pelajar yang terpilih dan cemerlang dalam akademik dan kokurikulum sahaja yang akan dipilih untuk memasuki profesion keguruan ini. Persoalannya, sejauh mana bakal guru pelatih di Universiti Awam dan IPGM ini benar-benar memiliki jati diri? Mungkin dari segi akademik, mereka cemerlang, tetapi tidak dalam sahsiah mereka, terutamanya jati diri mereka. Ujian Kelayakan yang diadakan belum tentu dapat mengenal pasti calon guru yang berkualiti. Misalnya ujian 1: menjawab soalan aneka pilihan lebih kepada kognitif sahaja. Ujian 2: temu duga lebih melihat sepantas lalu sahsiah mereka, personaliti, pengetahuan, pemahaman dan lain-lain berkaitan bidang pendidikan. Bagaimanakah dengan jati diri mereka? Perkara ini tidak diukur dalam penilaian dan pemilihan bakal guru menyambung pengajian di Universiti Awam mahupun di IPGM.

Kajian tentang jati diri rakyat bukan suatu yang baharu. Jati diri bermaksud untuk memantapkan keyakinan masyarakat terhadap sistem kepercayaan yang dianuti masyarakat yang berpegang teguh kepada ajaran agama, tidak akan melakukan perkara yang tidak baik (Ismail 2010). Mengapa persoalan jati diri dalam kalangan pelajar aliran pendidikan Universiti Awam RU ingin dikaji? Menurut Mohd Yusoff et al. (2010), jati diri dalam kalangan generasi muda pada hari ini perlu dikaji. Oleh kerana pelajaran aliran pendidikan Universiti Awam RU mewakili generasi muda, sudah tentu mereka juga perlu dikaji. Alasan ini dikukuhkan dengan slogan bahawa guru adalah agen perubahan.

Oleh kerana pelajar aliran pendidikan Universiti Awam bertaraf Universiti Penyelidikan (Research University-RU) kebanyakannya akan mencebur kerjaya keguruan, sudah tentu mereka dianggap sebagai agen perubahan. Hal ini amat penting kerana pelajar aliran pendidikan Universiti Awam RU ini bakal menjadi guru pelatih dan seterusnya menjadi guru. Justeru, sudah tentu jati diri bakal guru ini adalah lengkap dari segi pendidikan, agama, nilai, bahasa, budaya, perpaduan dan semangat nasionalismenya. Jika perkara ini kukuh dalam jiwa bakal guru ini, maka sudah tentu generasi yang diajarnya akan kukuh dan

seimbang dalam setiap hal.

Kajian berkaitan jati diri telah jalankan oleh beberapa orang pengkaji. Misalnya kajian Ramlah (2005) lebih melihat sejauh manakah pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) mempunyai pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara. Dapatkan kajian Ramlah mendapat walaupun signifikan, tetapi sudah ada ketirisan, pengurangan dan kelunturan pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia.

Kajian oleh Mohd. Yusof et al (2010) misalnya mengkaji tentang jati diri kebangsaan pelajar IPT. Dapatkan kajian menunjukkan 54.6 peratus pelajar IPT yang kukuh jati diri mereka. Kajian Mohd. Yusuf et al. berbentuk umum, iaitu kepada semua pelajar IPT tanpa mengira kaum. Kajian yang dijalankan oleh Hashim (2008) pula mengkaji jati diri orang Melayu sama ada mereka masih mengekalkan jati diri ataupun sudah luntur jati diri Melayu mereka. Hasil kajiannya mendapati bahawa ramai orang Melayu sudah mula luntur jati dirimereka dari aspek nilai, tetapi masih kekal jati diri dari aspek agama, ilmu dan didik. Kajian Hashim lebih kepada orang Melayu sahaja, tetapi pelbagai kategori.

Kajian yang dilakukan Siti Sarah (2015) dengan menggunakan pendekatan Hashim (2008) pula membina alat pengukuran Hati Budi Melayu atas talian untuk mengetahui sejauh mana orang Melayu masih mengekalkan jati diri atau sebaliknya. Kajian Siti Sarah lebih kepada orang Melayu, tetapi bilangan responden terlalu kecil yang tidak menggambarkan jati diri orang Melayu yang sebenarnya.

Tahap jati diri pelajar aliran pendidikan Universiti Awam perlu dikaji. Kajian sebelum ini mendapati jati diri orang Melayu mula semakin luntur. Adakah perkara yang sama juga berlaku kepada pelajar aliran pendidikan Universiti Awam yang dikatakan agen perubahan dan bakal mewarisi kepimpinan negara? Justeru, pembangunan indeks jati diri pelajar aliran pendidikan Universiti Awam ini dapat dijadikan panduan dalam pemilihan bakal guru supaya jati diri bakal guru ini terus kukuh dan utuh tanpa dipengaruhi pelbagai anasir negatif. Sebagai agen perubahan, sudah tentu bakal guru ini mempunyai jati diri yang kukuh. Usaha berterusan perlu dilakukan untuk mengukuhkan jati diri pelajar aliran pendidikan Universiti Awam ini.

Selain itu, kajian jati diri dalam kalangan pelajar aliran pendidikan Universiti Awam belum pernah dikaji oleh mana-mana penyelidik sama ada di Universiti Awam, Universiti Swasta, IPGM mahupun oleh mana-mana institusi kerajaan. Kebanyakan kajian yang dibuat lebih kepada konteks sejarah, sosiologi, antropologi dan keagamaan. Tidak kepada khusus

pendidikan. Misalnya, kajian Ramlah (2005) melihat dari sudut sejarah tentang Rukun Negara. Demikian juga kajian Hashim (2008) dan Siti Sarah (2005) dari sudut bahasa. Kajian Mohd. Yusof et al (2010) lebih kepada jati diri kebangsaan rakyat Malaysia. Dengan kata lain, semua kajian bersifat umum dan tidak satu pun berfokus kepada jati diri pelajar Universiti Awam daripada aliran pendidikan. Justeru, amat perlu dibuat satu kajian tentang jati diri pelajardari segi pendidikan. Pembangunan indeks jati diri pelajar aliran pendidikan ini dapat membantu KPM mengenal pasti calon guru yang benar-benar mempunyai jati diri yang ampuh agar seimbang dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri pelajar aliran pendidikan di Fakulti Pendidikan di lima buah Universiti Awam, iaitu UKM, UPM, UM, USM dan UTM. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Adakah terdapat perbezaan tahap jati diri pelajar aliran pendidikan i lima Universiti Awam berdasarkan tujuh konstruk jati diri yang dikaji?
2. Adakah terdapat perbezaan tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri pelajar aliran pendidikan di lima Universiti Awam berdasarkan tujuh konstruk jati diri yang dikaji?

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan deskriptif melalui soal selidik bagi mendapatkan maklumat daripada pelajar Program Sarjana Muda Pendidikan di lima buah Universiti Awam. Seramai 1000 orang pelajar Fakulti Pendidikan UKM, UM, UPM, USM dan UTM dipilih secara rawak mudah. Setiap Universiti Awam, seramai 200 orang pelajar dipilih untuk menjadi responden kajian.

### Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik yang dibina oleh ahli kumpulan penyelidik berdasarkan instrumen-instrumen kajian lepas seperti kajian Salmah (2005), kajian Mutsalim dan Jaffary (2014), Sarjit Singh (2013), Ahmad Tarmizi (2013), Mohd Isa et al. (2012) dan Siti Rahimah et al. (2014) serta beberapa item yang dibina sendiri oleh ahli kumpulan penyelidik.

Soal selidik ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A bertujuan mendapatkan demografi pelajar. Bahagian B bertujuan mengkaji tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri Bahasa Melayu pelajar aliran pendidikan ini yang mengandungi 36 item.

Instrumen yang dibina menggunakan skala Likert 10 mata. Skala ini diambil dan diolah berdasarkan kajian Indeks Belia Malaysia 2011 (IBM 2011). Bagi tujuan penginterpretasian skor, nilai pengukuran dibahagikan kepada empat tahap. Berdasarkan kajian IBM2011, tahap indeks kurang baik berada pada skala skor 1 hingga 3, tahap sederhana baik pada skala skor

4 hingga 5, skala tahap baik adalah pada skala skor 6 hingga 8 dan tahap sangat baik pada skala skor 9 hingga 10. Nilai min pula adalah berdasarkan kepada empat skala seperti dalam Jadual 1.

Kesahan instrumen dilakukan dengan merujuk kepada tiga orang pakar penilai instrumen yang dilantik bagi mendapatkan kesahan pakar. Instrumen awal yang mengandungi 36 item telah disemak oleh pakar penilai dan beberapa item telah dikeluarkan atas nasihat pakar. Analisis alpha Cronbach menunjukkan kebolehpercayaan item adalah tinggi (Dearana, 2010).

Jadual 1: Skala min dan tahap interpretasi

Skor Min	Tahap Interpretasi
1.00 hingga 2.99	Luntur
3.00 hingga 5.99	Mula luntur
6.00 hingga 8.99	Masih kekal
9.00 hingga 10	Kekal

### Analisis Data

Analisis secara deskriptif dijalankan menggunakan nilai min bagi melihat tahap indeks jati diri pelajar. Data bagi setiap item pada Bahagian B dianalisis menggunakan perisian SPSS. Analisis statistik secara deskriptif digunakan untuk mencari kekerapan, peratusan dan min.

### DAPATAN KAJIAN

#### Demografi Responden

Kajian ini melibatkan 1000 orang pelajar aliran Sarjana Muda Pendidikan di Fakulti Pendidikan daripada lima buah Universiti Awam bertaraf Universiti Penyelidikan, iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Bidang pengajian bagi setiap universiti adalah berbeza dan pelbagai. Seramai 200 orang responden dipilih secara rawak mudah daripada setiap universiti bagi menjawab soal selidik yang diberikan. Daripada keseluruhan

responden, majoriti umur pelajar ialah 20 hingga 23 tahun daripada julat umur responden yang terlibat, iaitu umur 19 tahun hingga 43 tahun. Keseluruhan maklumat demografi responden disimpulkan dalam Jadual 2 mengikut peratusan.

Jadual 2 menunjukkan data responden kajian berdasarkan ciri-ciri demografi pelajar aliran pendidikan daripada lima buah universiti penyelidikan di Malaysia yang dianggap sebagai pemboleh ubah dalam kajian ini. Bagi pemboleh ubah jantina, seramai 1000 orang responden telah dijadikan sampel kajian yang menjawab soal selidik. Dapatkan menunjukkan taburan jantina responden kajian terdiri daripada 227 orang pelajar lelaki dan 773 orang pelajar perempuan. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan mempunyai peratusan yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Pelajar perempuan didapati lebih ramai memasuki universiti dan mengikuti kursus Pendidikan. Dapatkan juga menunjukkan taburan bangsa tertinggi pelajar ialah pelajar Melayu dengan 82.8%, diikuti pelajar Bumiputera (9%) kemudian pelajar Cina 6.4% dan yang paling sedikit adalah pelajar India iaitu 1.6%.

Seterusnya, taburan agama pelajar adalah pelajar Islam dengan peratusan yang tertinggi iaitu

seramai 879 orang dan peratusan terendah adalah pelajar beragama Hindu iaitu seramai 13 orang. Manakala bagi pelajar beragama Buddha dan Kristian

masing-masing adalah seramai 49 dan 59 orang pelajar. Bagi bidang pengajian yang terlibat, peratusan tertinggi menunjukkan aliran Pendidikan Khas adalah yang

Jadual 2: Taburan responden kajian mengikut pemboleh ubah frekuensi responden yang menjawab (n) = 1000 orang

Bil.		Kategori	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
1	Jantina	Lelaki	227	22.7
		Perempuan	773	77.3
3	Bangsa	Melayu	828	82.8
		Cina	64	6.4
		India	16	1.6
		Bumiputera	90	9.0
4	Agama	Lain-lain	2	0.2
		Islam	879	87.9
		Buddha	49	4.9
		Kristian	59	5.9
		Hindu	13	1.3
6	Tahun	1	356	35.6
		Pengajian	411	41.1
7	Bidang	2	156	15.6
		3	77	7.7
		4		
7	Bidang	Sukan	85	8.5
		Pendidikan Khas	233	23.3
		TESL	150	15.0
		Sains	36	3.6
		Sastera	41	4.1
		Teknologi	161	16.1
		Pendidikan Awal Kanak-kanak	46	4.6
		Bimbingan dan Kaunseling	75	7.5
		Pendidikan Islam	72	7.2
		Sains Pertanian	33	3.3
		Sains Rumah Tangga	33	3.3
		Bahasa Melayu	35	3.5

tertinggi iaitu sebanyak 23.3%, manakala yang kedua tertinggi adalah pelajar aliran Teknologi dengan jumlah sebanyak 16.1% dan ketiga tertinggi adalah pelajar aliran TESL iaitu sebanyak 15%.

Bidang pengajian yang lain pula adalah Sukan 8.5%, Bimbingan dan Kaunseling 7.5%, Pendidikan Islam 7.2%, Pendidikan Awal Kanak-kanak 4.6%, Sastera 4.1%, Sains 3.6%, Bahasa Melayu 3.5%, dan peratusan terendah adalah bagi bidang Sains Pertanian dan Sains Rumah Tangga dengan peratusan masing-masing 3.3%. Keseluruhan bagi bidang pengajian yang terlibat adalah sebanyak 12 bidang.

#### Jati Diri Pelajar Aliran Pendidikan UKM

Jadual 3 membincangkan min keseluruhan jati diri pelajar aliran pendidikan UKM. Seramai 200 orang pelajar pelbagai program menjadi responden kajian.

Analisis deskriptif yang dijalankan menunjukkan bahawa min keseluruhan yang diperoleh ialah 9.31, iaitu kekal jati diri mereka. Hal ini bermakna pelajar aliran pendidikan UKM ini memiliki jati diri yang masih kekal dan utuh dalam aspek keagamaan, keilmuan, nilai, bahasa, budaya, perpaduan dan semangat nasionalisme. Namun demikian, terdapat beberapa aspek jati diri pelajar ini yang mula terkesan. Walaupun mereka masih kekal jati diri, tetapi beberapa aspek jati diri yang perlu diberi perhatian:

1. Pelajar UKM kekal jati diri mereka dari segi jati diri ilmu, nilai, perpaduan dan semangat nasionalisme.
2. Aspek pengamalan jati diri agama perlu diberi perhatian.
3. Aspek penghayatan dan pengamalan jati diri bahasa merupakan yang terendah daripada tujuh jati diri yang dikaji dan perlu diberi perhatian.

**Jadual 3: Min bagi setiap konstruk jati diri pelajar aliran pendidikan UKM**

Bil.	Tujuh Jati Diri	Aspek	Min	Interpretasi Tahap Jati Diri
1	Agama	Pemahaman	9.59	Kekal
		Penghayatan	9.62	Kekal
		Pengamalan	8.82	Masih kekal
		Keseluruhan	9.34	Kekal
2	Ilmu	Pemahaman	9.59	Kekal
		Penghayatan	9.43	Kekal
		Pengamalan	9.23	Kekal
		Keseluruhan	9.42	Kekal
3	Nilai	Pemahaman	9.42	Kekal
		Penghayatan	9.47	Kekal
		Pengamalan	9.53	Kekal
		Keseluruhan	9.47	Kekal
4	Bahasa	Pemahaman	9.33	Kekal
		Penghayatan	8.73	Masih kekal
		Pengamalan	8.74	Masih kekal
		Keseluruhan	8.93	Masih kekal
5	Budaya	Pemahaman	8.80	Masih kekal
		Penghayatan	9.36	Kekal
		Pengamalan	9.24	Kekal
		Keseluruhan	9.18	Kekal
6	Perpaduan	Pemahaman	9.37	Kekal
		Penghayatan	9.38	Kekal
		Pengamalan	9.36	Kekal
		Keseluruhan	9.37	Kekal
7	Semangat Nasionalisme	Pemahaman	9.45	Kekal
		Penghayatan	9.45	Kekal
		Pengamalan	9.40	Kekal
		Keseluruhan	9.43	Kekal
Min Keseluruhan			9.31	Kekal Jati Diri

### Jati Diri Pelajar Aliran Pendidikan UPM

Jadual 4 membincangkan analisis jati diri dalam kalangan pelajar UPM. Daripada tujuh aspek yang dikaji, secara keseluruhan pelajar UPM mempunyai jati diri yang kekal. Mereka tetap dengan jati diri mereka walaupun jati diri agama, bahasa dan budaya ada

pengurangan dari segi pemahaman, penghayatan dan pengamalan. Rumusan yang dapat dibuat ialah:

1. Pelajar UPM kekal jati diri dari segi ilmu, nilai, perpaduan dan semangat nasionalisme.
2. Aspek penghayatan dalam agama, pengamalan dalam bahasa serta pemahaman dalam budaya pula berada pada tahap masih kekal jati diri.

**Jadual 4. Min bagi setiap konstruk jati diri pelajar aliran pendidikan UPM**

Bil.	Tujuh Jati Diri	Aspek	Min	Interpretasi Tahap Jati Diri
1	Agama	Pemahaman	9.54	Kekal
		Penghayatan	9.61	Kekal
		Pengamalan	8.73	Masih kekal
		Keseluruhan	9.29	Kekal
2	Ilmu	Pemahaman	9.52	Kekal
		Penghayatan	9.39	Kekal
		Pengamalan	9.19	Kekal
		Keseluruhan	9.37	Kekal
3	Nilai	Pemahaman	9.39	Kekal
		Penghayatan	9.40	Kekal
		Pengamalan	9.42	Kekal
		Keseluruhan	9.40	Kekal
4	Bahasa	Pemahaman	9.18	Kekal
		Penghayatan	9.10	Kekal
		Pengamalan	8.71	Masih kekal
		Keseluruhan	9.00	Kekal
5	Budaya	Pemahaman	8.80	Masih kekal
		Penghayatan	9.31	Kekal
		Pengamalan	9.13	Kekal
		Keseluruhan	9.08	Kekal
6	Perpaduan	Pemahaman	9.38	Kekal
		Penghayatan	9.38	Kekal
		Pengamalan	9.39	Kekal
		Keseluruhan	9.38	Kekal
7	Semangat Nasionalisme	Pemahaman	9.36	Kekal
		Penghayatan	9.35	Kekal
		Pengamalan	9.30	Kekal
		Keseluruhan	9.34	Kekal
Min Keseluruhan			9.27	Kekal Jati Diri

### Jati Diri Pelajar Aliran Pendidikan UM

Jadual 5 membincangkan min setiap tujuh konstruk yang dikaji bagi pelajar aliran pendidikan UM. Min keseluruhan ialah 9.05, iaitu berada pada tahap kekal jati diri. Hal ini bermakna pelajar bakal guru UM ini mempunyai jati diri yang kukuh dalam ketujuh-tujuh jati diri yang diukur. Namun demikian, jati diri bahasa merupakan jati yang paling rendah difahami, dihayati

diamalkan oleh pelajar UM ini. Penguasaan Bahasa Melayu mereka hanya di tahap masih kekal jati diri. Justeru, rumusan yang dapat dibuat ialah:

1. Jati diri ilmu, nilai, perpaduan dan semangat nasionalisme berada pada tahap kekal jati diri mereka.
2. Jati diri bahasa paling kurang difahami, dihayati dan diamalkan oleh pelajar aliran pendidikan UM

Jadual 5. Min bagi setiap konstruk jati diri pelajar aliran pendidikan UM

Bil.	Tujuh Jati Diri	Aspek	Min	Interprestasi Tahap Jati Diri
1	Agama	Pemahaman	9.34	Kekal
		Penghayatan	9.43	Kekal
		Pengamalan	8.73	Masih kekal
		Keseluruhan	9.17	Kekal
2	Ilmu	Pemahaman	9.42	Kekal
		Penghayatan	9.19	Kekal
		Pengamalan	9.02	Kekal
		Keseluruhan	9.21	Kekal
3	Nilai	Pemahaman	9.24	Kekal
		Penghayatan	9.28	Kekal
		Pengamalan	9.38	Kekal
		Keseluruhan	9.30	Kekal
4	Bahasa	Pemahaman	8.86	Masih kekal
		Penghayatan	8.45	Masih kekal
		Pengamalan	8.24	Masih kekal
		Keseluruhan	8.57	Masih kekal
		Pemahaman		
5	Budaya	Pemahaman	8.52	Masih kekal
		Penghayatan	9.12	Kekal
		Pengamalan	9.01	Kekal
		Keseluruhan	8.88	Masih kekal
6	Perpaduan	Pemahaman	9.11	Kekal
		Penghayatan	9.20	Kekal
		Pengamalan	9.10	Kekal
		Keseluruhan	9.14	Kekal
7	Semangat Nasionalisme	Pemahaman	9.10	Kekal
		Penghayatan	9.10	Kekal
		Pengamalan	9.01	Kekal
		Keseluruhan	9.07	Kekal
		Min Keseluruhan	9.05	Kekal Jati Diri

#### Jati Diri Pelajar Aliran Pendidikan USM

Jadual 6 membincangkan jati diri pelajar aliran pendidikan USM. Berbanding empat Universiti Awam yang dikaji, pelajar USM didapati begitu kukuh jati diri mereka. Min keseluruhan ialah min 9.47, iaitu kekal jati diri. Daripada tujuh jati diri yang diukur, enam jati diri menunjukkan min kekal jati diri. Pelajar tetap kekal jati diri mereka dari aspek pemahaman dan penghayatan

agama mereka. Rumusan yang dapat dibuat ialah:

1. Jati diri ilmu, nilai, bahasa, budaya, perpaduan dan semangat nasionalisme tetap kekal jati diri dalam kalangan pelajar aliran pendidikan USM.
2. Hanya jati diri agama yang melibatkan aspek pengamalan sahaja yang berada pada tahap masih kekal jati diri, sebaliknya dari segi pemahaman dan penghayatan tetap tinggi nilai min yang diperoleh.

Jadual 6: Min bagi setiap konstruk jati diri pelajar aliran pendidikan USM

Bil.	Tujuh Jati Diri	Aspek	Min	Interprestasi Tahap Jati Diri
1	Agama	Pemahaman	9.69	Kekal
		Penghayatan	9.70	Kekal
		Pengamalan	8.99	Masih kekal
		Keseluruhan	9.46	Kekal
2	Ilmu	Pemahaman	9.77	Kekal
		Penghayatan	9.56	Kekal
		Pengamalan	9.33	Kekal
		Keseluruhan	9.55	Kekal
3	Nilai	Pemahaman	9.55	Kekal
		Penghayatan	9.57	Kekal
		Pengamalan	9.62	Kekal
		Keseluruhan	9.58	Kekal
4	Bahasa	Pemahaman	9.48	Kekal
		Penghayatan	9.36	Kekal
		Pengamalan	9.15	Kekal
		Keseluruhan	9.33	Kekal
5	Budaya	Pemahaman	9.07	Kekal
		Penghayatan	9.52	Kekal
		Pengamalan	9.43	Kekal
		Keseluruhan	9.34	Kekal
6	Perpaduan	Pemahaman	9.58	Kekal
		Penghayatan	9.51	Kekal
		Pengamalan	9.50	Kekal
		Keseluruhan	9.53	Kekal
7	Semangat Nasionalisme	Pemahaman	9.51	Kekal
		Penghayatan	9.53	Kekal
		Pengamalan	9.50	Kekal
		Keseluruhan	9.51	Kekal
Min Keseluruhan			9.47	Kekal Jati Diri

#### Jati Diri Pelajar Aliran Pendidikan UTM

Jadual 7 membincangkan jati diri pelajar aliran pendidikan UTM. Min keseluruhan yang diperoleh ialah 9.34, iaitu kekal jati diri. Analisis yang dapat dibuat ialah:

1. Pelajar aliran pendidikan UTM mempunyai tahap

jati diri yang tinggi, terutamanya dari aspek ilmu, nilai, perpaduan dan semangat nasionalisme.

2. Jati diri bahasa merupakan paling rendah berbanding enam jati diri yang lain.
3. Aspek pengamalan agama dan pemahaman budaya didapati masih kurang diamalkan dan difahami oleh pelajar aliran pendidikan UTM ini.

Jadual 7: Min bagi setiap konstruk jati diri pelajar aliran pendidikan UTM

Bil.	Tujuh Jati Diri	Aspek	Min	Interpretasi Tahap Jati Diri
1	Agama	Pemahaman	9.60	Kekal
		Penghayatan	9.66	Kekal
		Pengamalan	8.84	Masih kekal
		Keseluruhan	9.37	Kekal
2	Ilmu	Pemahaman	9.66	Kekal
		Penghayatan	9.46	Kekal
		Pengamalan	9.29	Kekal
		Keseluruhan	9.47	Kekal
3	Nilai	Pemahaman	9.44	Kekal
		Penghayatan	9.47	Kekal
		Pengamalan	9.56	Kekal
		Keseluruhan	9.49	Kekal
4	Bahasa	Pemahaman	9.29	Kekal
		Penghayatan	9.04	Kekal
		Pengamalan	8.56	Kekal
		Keseluruhan	8.96	Masih kekal
5	Budaya	Pemahaman	8.76	Masih kekal
		Penghayatan	9.47	Kekal
		Pengamalan	9.31	Kekal
		Keseluruhan	9.18	Kekal
6	Perpaduan	Pemahaman	9.49	Kekal
		Penghayatan	9.47	Kekal
		Pengamalan	9.46	Kekal
		Keseluruhan	9.47	Kekal
7	Semangat Nasionalisme	Pemahaman	9.46	Kekal
		Penghayatan	9.49	Kekal
		Pengamalan	9.34	Kekal
		Keseluruhan	9.43	Kekal
Min Keseluruhan			9.34	Kekal Jati Diri

#### Rumusan Jati Diri Pelajar Aliran Pendidikan Universiti Awam

Berdasarkan Jadual 3 hingga 7, dapat dirumuskan bahawa pelajar-pelajar aliran pendidikan di lima buah Universiti Awam yang dikaji ini secara keseluruhannya memiliki jati diri yang tinggi, iaitu berada pada tahap kekal jati diri mereka. Min keseluruhan bagi setiap jati diri dan konstruk pemahaman, penghayatan dan pengamalan secara umumnya melebihi min 9.00. Jadual 8 membuktikan bahawa jati diri pelajar aliran pendidikan di lima buah Universiti Awam bertaraf

penyelidikan ini mempunyai nilai jati diri yang tinggi dan tetap kekal jati diri.

Hal ini bermakna pelajar aliran pendidikan di UKM, UPM, UM, USM dan UTM ini ialah bakal guru yang memiliki jati diri yang kukuh dan mantap dari agama, ilmu, nilai, bahasa, budaya, perpaduan dan semangat nasionalisme mereka. Dengan cabaran pendidikan yang semakin mencabar, maka pemilihan bakal guru yang menepati tujuh ciri jati diri ini adalah amat perlu. Pihak Fakulti Pendidikan di Universiti Awam dan IPGM boleh menggunakan tujuh jati diri ini sebagai asas dalam pemilihan bakal guru pelatih.

Jadual 8: Min keseluruhan jati diri pelajar aliran pendidikan Universiti Awam

Bil.	Universiti Awam	Min	Interpretasi Min
1	UKM	9.31	Tinggi
2	UPM	9.27	Tinggi
3	UM	9.05	Tinggi
4	USM	9.47	Tinggi
5	UTM	9.34	Tinggi
Keseluruhan		9.29	Tinggi/ Kekal Jati Diri

## PERBINCANGAN

Jati diri bakal guru amat penting dipupuk kerana pelajar yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS) akan terhasil daripada pengaruh sikap dan tingkah laku pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah. Jati diri ini diukur daripada tujuh elemen penting yang dikaji.

Secara keseluruhan, hasil kajian tinjauan terhadap tujuh konstruk jati diri pelajar aliran pendidikan di Fakulti Pendidikan di lima Universiti Awam RU berada pada tahap masih kekal jati diri. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap kefahaman, penghayatan dan pengamalan terhadap agama, ilmu, nilai, bahasa, budaya, perpaduan dan semangat nasionalisme yang tinggi ketika dalam pembelajaran mahupun kehidupan. Dapatkan ini selari dengan kajian Zamri et al. (2016) yang mendapati pelajar Fakulti Pendidikan UKM mempunyai tahap jati diri yang tinggi dalam kesemua tujuh konstruk jati diri yang dikaji tersebut.

Dapatkan ini berbeza dengan dapatan kajian oleh Hashim (2008) yang mengkaji jati diri pelajar Melayu. Walaupun dapatan beliau menyatakan bahawa jati diri pelajar masih kekal jati diri dari aspek agama, ilmu dan didikan namun daripada aspek nilai didapati bahawa jati diri pelajar telah mulai luntur. Jika dilihat pada konstruk pemahaman, penghayatan dan pengamalan pada aspek nilai, dapatan menunjukkan pemahaman dan penghayatan nilai pelajar adalah lebih rendah berbanding aspek pengamalan nilai mereka. Dapatkan

ini ada bersamaan dengan kajian Ramlah (2005), Sarjit Singh (2013) dan Hashim (2008) yang menyatakan bahawa walaupun kebanyakan pelajar Universiti Awam masih kukuh pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri, tetapi dalam sesetengah jati diri tersebut mulai luntur, terutamanya dari segi jati diri bahasa.

Selain itu, tahap penghayatan penggunaan bahasa Melayu yang berkurangan berbanding aspek pemahaman dan penghayatan juga ada kaitannya dengan penekanan kebanyakan Universiti Awam terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Menurut Siti Rahimah et al. (2014), kekeliruan jati diri bahasa menyebabkan tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar menjadi kelam kabut. Tumpuan lebih kepada bahasa Inggeris menjadikan tahap jati diri terhadap bahasa kebangsaan semakin luntur. Dapatkan yang sama juga ditemui dalam kajian Siti Sarah (2015) dan Hashim (2008) dan Zamri et al. (2017).

Sebagai kesimpulan, pelajar aliran pendidikan di UKM, UPM, UM, USM dan UTM masih kekal jati diri dalam tujuh konstruk jati diri yang dikaji. Tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri agama, ilmu, nilai, bahasa, budaya, perpaduan dan semangat nasionalisme tetap kekal utuh walaupun dalam sesetengah jati diri tersebut mulai luntur. Pelajar memiliki tahap jati diri yang kukuh dari segi pemahaman, penghayatan dan pengamalan dalam kesemua tujuh konstruk yang dikaji.

## KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, jelas menunjukkan bahawa pentingnya konstruk jati diri ini diberi penekanan dan dipupuk dalam diri setiap pelajar yang bakal menjadi pendidik. Mereka ini adalah agen perubahan dan pemimpin pendidik masa hadapan yang akan mencorak jati diri pelajar sekolah menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara. Dengan memiliki tujuh jati diri ini, bakal guru mempunyai sahsiah terbaik dan dapat menjadi suri teladan kepada generasi akan datang dan hasilnya wujudlah negara yang harmoni dan membangun serta kuranglah masalah sosial dan pengaruh globalisasi dunia. Menurut Zamri et al. (2016), pelajar aliran pendidikan di Universiti Awam RU perlu memiliki jati diri yang kukuh. Mereka ini adalah merupakan agen perubahan yang akan mencorak generasi pelajar sekolah masa hadapan negara.

## RUJUKAN

- Abdul Latiff Abu Bakar. 2012. *Jati diri dan patriotisme berpaksikan sejarah, perlumbagaan dan dasar kerjaan. Jati diri dan patriotisme teras peradaban Malaysia* 1-34. Tanjung Malim: Penerbitan Institusi Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Tarmizi. 2013. Kajian toleransi sosio-agama di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Perpaduan*, 138-170. Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional: Jabatan Perpaduan Nasional dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri.
- Hashim Musa. 2008. *Hati budi Melayu: Pengukuhan menghadapi cabaran abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Indeks Belia Malaysia 2011*. 2011. Putrajaya: Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan.
- Ismail Bakar. 2010. Sejarah kepimpinan dan politik ke arah pembentukan jati diri kebangsaan. Dlm. Mohd Yusof Othman (Pnyt.), *Jati diri kebangsaan manhaj Islam hadhari*, 197-120. Bangi: Penerbitan Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Isa Hamzah, Mohd. Aliff Mohd. Nawi Jamil Ahmad, Ab Halim Tamuri, Amirah Ismail, Nurul Pasihah Hassan & Siti Syazwani Salleh. 2012. Keberkesanan pertubuhan belia dalam menyemai jati diri Islam. *Malaysian Journal of Youth Studies* 7: 93-104.
- Mohd Yusof Othman et al. 2010. Jati diri kebangsaan dalam kalangan pelajar IPT. *Jurnal Hadhari Special Edition* 67-78.
- Mutsalim Khareng & Jaffary Awang. 2014. Toleransi beragama & implikasinya dalam kalangan mahasiswa/i Muslim dan Buddha di Prince of Songkhla University. *Journal of Islamic and Arabic Education* 5(2): 1-14.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. 2013. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ramlah Adam. 2005. Kajian tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara di kalangan pelajar IPT. *Geran Penyelidikan*, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Salmah Hussin. 2005. Pemahaman konsep pembinaan jati diri negara bangsa dalam mata pelajaran Sejarah KBSM tingkatan lima di daerah Keluang. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarjit Singh 2013. Kajian pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara dalam kalangan belia Malaysia. *Jurnal Perpaduan Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional*, 1: 89-137.
- Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin & Normahdiah Sheikh Said. 2014. Kekeliruan jati diri punca bahasa bercampur aduk. *Jurnal Bahasa* 14 (1): 134-158..
- Siti Sarah Ab Karim. 2015. Pembinaan alat pengukuran hati budi Melayu. Tesis Dr. Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Mahzan Awang, Chew Fong Peng & Ummu Taqiah Bahari. 2016. Pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri pelajar Fakulti Pendidikan UKM. *Proceedings The 4<sup>th</sup> International Conference Asean Comparative Education Research Network (ACERN 2016)*, 1-11. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Mahzan Awang & Chew Fong Peng. 2017. Jati diri pelajar aliran pendidikan universiti awam dari aspek pemahaman, penghayatan dan pengamalan Bahasa Melayu. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu Sabah dan Sarawak (Eksekutif) Kali Ke-6*, 701-714. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Penghargaan kepada:

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang memberikan peruntukan kewangan untuk menjalankan menyelidikan FRGS melalui geran FRGS/I/2015/SS06/UKM/01/1.

Zamri Mahamod (Prof. Dr.)  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi, Selangor, Malaysia  
E-mel: d-zam@ukm.edu.my

Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (Prof. Madya Dr.)  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi, Selangor, Malaysia  
E-mel: nrahimi@ukm.edu.my

Mohd Mahzan Awang (Dr.)  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi, Selangor, Malaysia  
E-mel: mahzan@ukm.edu.my

Chew Fong Peng (Dr.)  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya  
Jalan Universiti, 50603 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia  
E-mel: fpchew@um.edu.my